

KURSUS PENULISAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan pada 27 September 2021 secara dalam talian melalui pelantar Zoom. Secara keseluruhannya, kursus ini telah disertai oleh seramai 78 orang peserta. Peserta terdiri daripada warga INSTUN dari gred 19 hingga 44.

Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan penggunaan format dokumen rasmi berdasarkan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 5 Tahun 2014 : Panduan Penulisan Surat Rasmi, Memo dan E-mel & Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 6 Tahun 2014 : Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat serta dapat mengaplikasikan kaedah penulisan dokumen rasmi khususnya surat rasmi, memo dan e-mel berdasarkan tatabahasa Bahasa Melayu yang digunakan dalam urusan rasmi.

Penceramah jemputan ialah Encik Mohamad Ikhwan Al Syahid bin Abdullah Tahir. Beliau seorang perunding latihan dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Jalan Ilmu, Kuala Lumpur.



 **INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA**
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI 

KURSUS PENULISAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN

Penceramah
Encik Mohamad Ikhwan Al Syahid bin Abdullah Tahir
Perunding Latihan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

27 September 2021 (Isnin)
Kumpulan Sasaran : Gred 19 hingga 44
Kaedah Pelaksanaan



Kursus Secara Dalam Talian Anjuran Pengurusan Sumber Manusia



Pada hari terakhir kursus, diakhiri dengan ucapan perasmian penutup oleh Puan Norehan binti Omar, Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara dan sesi bergambar.